

Harga ikan kembung RM50 sekilo

SA 25/11/2019 M/S/KZ

CAP beri amaran trend kenaikan harga ikan di Pulau Pinang

GEORGETOWN

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) tidak menolakan kemungkinan harga ikan kembung melonjak sehingga RM50 sekilogram sekiranya Projek Tambakan Selatan Pulau Pinang (PSR) dilaksanakan.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader berkata, kenaikan harga itu boleh berlaku disebabkan projek tersebut akan menghancurkan kawasan penangkapan hasil laut nelayan pantai yang ketika ini merupakan pembekal utama ikan kepada rakyat Pulau Pinang.

"Kalau kita hapuskan tempat itu apa akan jadi? Sudah semestinya harga ikan akan naik mendadak, malahan sekarang pun harga ikan kembung sudah jadi



Mohideen (kiri) dan Pengerusi Persatuan Nelayan Selatan Pulau Pinang, Arshad Omar (dua kiri) mengiringi Nazri menyampaikan memorandum bantahan PSR yang diserahkan kepada pegawai Ketua Menteri Pulau Pinang sempena Hari Solidariti Nelayan di Pulau Pinang baru-baru ini.

RM20 sekilogram berbanding RM10 sekilogram pada lima tahun lalu.

"Lagi-lagi kalau kita teruskan projek ini, mungkin ikan kembung akan susah untuk didaratkan atau kita kena bayar RM50 untuk satu kilogram ikan itu nanti. Begitu juga dengan sotong dan hasil laut lain, semua akan naik harga," katanya ketika berucap pada demonstrasi aman Hari So-

lidariti Nelayan bagi membantah PSR di Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Berdasarkan keadaan itu, Mohideen berkata, CAP berada di belakang nelayan untuk menentang projek mega terbabit apatah lagi jika timbul masalah kekurangan ikan nanti, rakyat bakal berdepan pula dengan masalah keselamatan makanan.

"Bila kurang ikan kita terpaksa

Kawasan penangkapan hasil laut untuk nelayan pantai akan ditambak



Rajah kawasan tangkapan hasil laut yang akan ditambak di Pulau Pinang.

sa import dari Thailand, India, Pakistan atau mana-mana negara pembekal. Malangnya apabila kita import ikan itu, ikan tersebut ada bahan kimia untuk kekalkan kesegarannya, jadi rakyat akan makan ikan kimia.

"Ikan kimia itu boleh menyebabkan pelbagai penyakit termasuk kanser dan ia sudah dibuktikan oleh hasil kajian yang dilakukan," katanya.

Katanya, CAP selama ini juga sememangnya menentang bahan kimia yang dipakai untuk menyimpan ikan kerana ia akan mendatangkan banyak implikasi buruk kepada manusia.

"Perkara ini rakyat kena sedar dan sebab itu saya minta rakyat bersatu dalam isu ini. Kita tak boleh krompomi perkara ini kerana ia berkait dengan masa depan rakyat," katanya.

Pampasan RM15,000 tidak berbaloi

GEORGETOWN - Nasib yang menimpa golongan nelayan pantai di Tanjung Tokong membuktikan projek tambak laut di sini banyak mendatangkan keburukan kerana pendapatan nelayan merosot dan pampasan sebanyak RM15,000 yang diterima langsung tidak berbaloi.

Pengerusi Komuniti Nelayan Pangkalan Tanjung Tokong, Mohd Ishak Abdul Rahman, 72, berkata, lebih 100 nelayan di kawasan itu terjejas akibat projek tambakan Seri Tanjung Pinang 1 (STP1) dan Seri Tanjung Pinang 2 (STP2) yang mula pada 1997.

"Masa projek mula dibina, mata pencarian kami mula terjejas kerana sebelum itu kami boleh cari RM1,000 lebih sebulan tetapi sekarang purata pendapatan kami antara RM600 dan RM700 sebulan sahaja.

"Kami belanja petrol sehari antara RM30 hingga RM40 untuk keluar ke laut dan bila balik kami jual ikan dapat cuma RM60 atau RM70," katanya.


Projek STP1 seluas 97 hektar dan STP2 seluas 307 hektar dijalankan

bagi memajukan kawasan Tanjung Tokong sebagai hab pembangunan baharu.

Katanya, semua nelayan terjejas menerima pampasan RM15,000 seorang daripada pemaju projek pada 2015 tetapi jumlah pampasan yang diterima itu sebenarnya boleh dikumpulkan nelayan dalam tempoh setahun jika kawasan itu tidak ditambak.

"Sekarang kami nak dapat ikan dah susah, kami kena pergi ke laut dalam tapi untuk pergi ke kawasan laut dalam kami tak mampu sebab enjin bot kami kecil selain kami juga perlu ada alat untuk tarik pukot," katanya.

Punca pendapatan merosot akibat tempat pembiakan ikan, udang dan ketam yang musnah di kawasan perairan itu sejurus kedua-dua projek tambakan laut itu dibangunkan.



Projek tambak laut di perairan Tanjung Tokong yang dimulakan sejak 1997 menyebabkan pendapatan nelayan di kawasan ini merosot teruk.

Tambak laut lenyapkan kampung warisan

GEORGETOWN - Tambakan laut bukan sekadar menjejaskan pendapatan nelayan dan memusnahkan ekosistem malah lebih menyedihkan ia turut lenyapkan perkampungan warisan nelayan atas air di Jelutong.

Pengerusi Persatuan Nelayan Jelutong, Badrul Hisham Hashim berkata, Jelutong suatu ketika dahulu merupakan satu kawasan penempatan nelayan yang besar dan mula wujud dengan adanya rumah atas air yang unik selepas ia dibuka seorang nakhoda kapal.

Bagaimanapun, katanya, ia kini menjadi sejarah pahit apabila perkampungan tradisional nelayan itu musnah kerana digantikan dengan tambakan sebelum didirikan rumah flat. Yang tinggal sekarang hanyalah sebuah jeti nelayan yang sangat daif.

Menurut Badrul Hisham, 51, tapak pembuangan sampah hanya terletak bersebelahan jeti nelayan Jelutong dan akibat adanya tapak itu kawasan laut turut tercemar kerana sampah yang dibuang tidak hancur dan ada sisa plastik yang melekat dengan butiran pasir menyebabkan wujudnya pasir plastik yang tidak lupus.

"Kesan tambakan untuk buat tapak pelupusan sampah itu dapat tengok sekarang. Asalnya ia adalah laut dan menjadi darat dan lama kelamaan ia jadi bukit apabila banyak sampah dibuang di situ. "Saya kesal kerana projek yang



Nelayan mendakwa kawasan perairan turut tercemar akibat tambakan di tapak pembuangan sampah.

dijalankan tak ada kajian dibuat sebelum laporan Impak Alam Sekitar (EIA) dikeluarkan. Kebanyakan nelayan dan orang kampung diberi taklimat kononnya projek yang dibuat untuk kebaikan, tapi tengok kesan yang kami tanggung sekarang," katanya.

Badrul Hisham meminta pihak berkuasa mewujudkan semula penempatan nelayan Jelutong di kawasan itu dan berusaha agar penempatan itu diwartakan sebagai kampung warisan nelayan atas air di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) bagi memelihara nilai sejarah dan estetika kawasan terbabit.

ESOK: NGO menentang projek tambak laut